

PERCUMA



# buletin Mutiara



16 – 31 Januari 2012

## Isytihar harta bukti pimpinan negeri serius julang integriti CAT

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Langkah berani pengisytiharan aset pucuk pimpinan telah menjulang nilai integriti selaras dengan prinsip kepimpinan Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang.

Tindakan tersebut, lazimnya, telah memperoleh pelbagai reaksi daripada masyarakat umum dan juga pucuk kepimpinan sendiri.

Menurut ahli perniagaan, Shukri Abd. Wahab, 46, beliau berpendapat bahawa inisiatif tersebut adalah bagus dan seajar dengan prinsip CAT yang diamalkan Kerajaan Negeri. Selain itu, ia juga langkah ‘precaution’ (berhati-hati) bagi menghindari keinginan untuk terlibat dengan gejala rasuah.

“Langkah tersebut menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam membentuk pentadbiran yang telus dan boleh diharapkan oleh rakyat. Mudah-mudahan, ia akan menjadi contoh kepada Kerajaan Negeri yang lain,” katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Baru-baru ini, bagi memenuhi amanah peribadi dan menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dalam melaksanakan tanggungjawab politik masing-masing supaya rakyat maklum akan ketulusan yang dilakukan, barisan pucuk pimpinan diketuai Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng telah mengisytiharkan aset



KETUA Menteri bersama barisan Exco Kerajaan Negeri menunjukkan salinan penyata pengisytiharan harta masing-masing di majlis sidang akhbar di Komtar di sini baru-baru ini.

masing-masing kepada umum.

Lanjutan itu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah melantik Syarikat KPMG iaitu salah sebuah konsultan perakaunan yang bertanggungjawab menguruskan segala prosedur pengisytiharan aset oleh kepimpinan Kerajaan Negeri bermula Mac 2008 sehingga 31 Disember 2011.

Selain pengisytiharan aset, Ketua Menteri turut mencadangkan enam langkah intergriti termasuk mengharamkan pembabitan exco dalam sebarang bidang perniagaan yang boleh membawa kepada konflik kepentingan parti-parti politik.

Bagi pekerja swasta, Dia Zamani, 29, beliau menyatakan bahawa inisiatif Kerajaan Negeri tersebut adalah sebagai langkah bagi mengelakkan terjadinya pemindahan wang ‘bawah meja’ yang boleh mengaburi mata masyarakat.

Beliau dalam pada itu, turut berharap supaya barisan-barisan kepimpinan negara akan mengikut jejak langkah sama kerana baginya hasil karya agung dunia pun bermula dengan satu titik dari mata pena.

Seorang guru, Umapathy Maran turut menyokong dan bersetuju dengan langkah bijak yang diambil oleh Kerajaan Negeri.

“Salute (Tabik) buat Pakatan Rakyat PP (Pulau Pinang),” ujar beliau.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi ketika diminta mengulas mengenai inisiatif berkenaan menyatakan bahawa segalanya jelas dan nyata seperti yang diberikan.

Layari <http://www.penang.gov.my> untuk senarai pengisytiharan aset Exco-exco Kerajaan Negeri.



**SHUKRI Abd. Wahab**



**DIA Zamani**

# Mengapa pusat tak salur hak projek pembangunan negeri ke P. Pinang

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

**GEORGE TOWN** – Langkah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyalurkan semua projek pembangunan Pulau Pinang kepada Pejabat Pembangunan Negeri Persekutuan (PPNP) adalah bercanggah dengan konsep demokrasi persekutuan negeri, kata Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Ketua Menteri Pulau Pinang itu berkata, kerajaan pusat sepatutnya menyalurkan semua projek pembangunan negeri melalui Pejabat Daerah negeri demi kepentingan rakyat. “Bukan sahaja PR (Pakatan Rakyat) telah menangi majoriti dua per tiga dengan 29 daripada 40 buah kerusi negeri. Malah, (PR) juga menang 11 daripada 13 buah kerusi Parlimen di Pulau Pinang.

“Jelas sekali wang sumbangan oleh Pulau Pinang dalam bentuk cukai pendapatan dan kastam tidak diberikan balik kepada rakyat Pulau Pinang. Sebaliknya, semua wang sumbangan dikuasai penuh oleh BN sungguhpun

(kerajaan negeri era BN) telahpun ditolak peringkat negeri dan Parlimen oleh rakyat Pulau Pinang,” ujar beliau dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, Kerajaan Negeri berhak mendapat projek pembangunan negeri secara adil memandangkan cukai yang dikutip daripada rakyat di negeri berkenaan diserahkan kepada kerajaan pusat saban tahun.

Dilaporkan, kerajaan pusat menyalurkan RM231.08 juta kepada PPNP yang dikuasai oleh BN pada tahun 2008. Manakala, dari tahun 2001 hingga 2008, kerajaan pusat menyerahkan RM794 juta kepada Kerajaan

Negeri Pulau Pinang yang juga diteraju oleh BN.

“Jelas BN tidak menghormati keputusan demokrasi rakyat Pulau Pinang dan menjalankan diskriminasi kewangan sedemikian,” tegasnya.

Dari Mac 2008 sehingga 15 November 2011, Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan 2,822 projek bernilai RM231.08 juta.

Jenis dan jumlah projek mengikut tahun adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	2008		2009		2010		2011	
		PROJEK	KOS (RM JUTA)						
1	PROJEK-PROJEK KEAGAMAAN ISLAM	159	56.8	166	26.57	25	20.8	76	27.13
2	PROJEK-PROJEK KEAGAMAAN BUKAN ISLAM	17	0.36	84	0.32	5	1.3	5	0.26
3	BALAIRAYA/DEWAN SERBAGUNA	38	3.3	12	1.78	10	1.9	11	1.68
4	SEKOLAH KEB/SEK. REN.KEB/KOLEJ /MAKTAB /UNIVERSITI	30	4.22	9	0.382	-	-	5	0.09
5	BEKALAN/PERALATAN	322	4.2	269	1.52	239	1.0	173	2.65
6	JALAN/INFRASTRUKTUR	83	2.1	566	38.13	2	0.002	75	3.02
7	PARIT/LONGKANG /GABION	23	0.53	132	6.37	-	-	11	1.1
8	JAMBATAN/TITI	4	0.21	26	0.63	-	-	1	0.07
9	LAIN-LAIN	122	14.16	65	2.5	40	4.9	17	0.9
		798	86.08	1329	78.2	321	29.9	374	36.9
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>									



**BANGUNAN** Flat Kampung Melayu yang dicat semula hasil kerjasama Kerajaan Negeri dan sektor swasta demi keselesaan rakyat.

## Flat Kg. Melayu berubah

**SEDAP MATA MEMANDANG..**  
Lebih 10 tahun penantian, akhirnya Flat B Kampung Melayu, Air Itam selesai dicat semula.

Cukup indah, hasil inisiatif Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti

(JKKK) Kampung Melayu, 80 peratus kos projek ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang manakala 20 peratus lain ditanggung oleh syarikat swasta.



**WAJAH** asal Flat Kampung Melayu yang kurang mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang era Barisan Nasional.

# 1,869 anak emas fasa dua terima RM200 sempena Tahun Baru Cina



KETUA Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (kiri sekali) masing-masing mendukung anak emas pada Majlis Penyerahan Sumbangan Program Anak Emas Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah.



SEORANG waris ditenteramkan Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I ketika menerima sumbangan khairat kematian daripada Kerajaan Negeri.

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

**GEORGE TOWN** – Seramai 1,869 bayi yang berdaftar di bawah Program Anak Emas Fasa Dua diraikan dan diberi sumbangan RM200 oleh Kerajaan Negeri sempena Tahun Baru Cina dalam majlis yang diadakan secara berasingan dalam tempoh dua hari baru-baru ini.

Sebelum ini, dalam fasa pertama, iaitu pada 1 dan 2 Januari lepas, menyaksikan seramai 1,384 anak emas telahpun menerima sumbangan sebanyak RM200.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, sumbangan itu wajar dilihat sebagai simbolik kepada inisiatif Kerajaan Negeri untuk keselesaan rakyat.

“Sumbangan ini juga merupakan satu simbolik kepada keperihatinan Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) dalam menjaga kebajikan rakyat,” ujar beliau pada Majlis Sumbangan Program Anak Emas Fasa Dua Peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) di Dewan Besar Sungai Dua, di sini baru-baru ini.



PASANGAN suami isteri tidak melepaskan peluang bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri pada majlis penyampaian sumbangan peringkat daerah Seberang Perai Selatan.



ANAK emas yang layak menerima sumbangan khas Kerajaan Negeri di majlis penyerahan peringkat daerah SPU.



ANTARA anak emas yang hadir menerima Sumbangan Program Anak Emas Peringkat Daerah Timur Laut.

Bercakap pada majlis tersebut, beliau turut melahirkan rasa syukur kerana Kerajaan

Negeri berjaya menaikkan sumbangan program tersebut dari RM100 ke RM200. Malah, semua anak Pulau Pinang tanpa mengira warna kulit, kepercayaan atau ideologi politik yang mendaftar di bawah program tersebut adalah layak.

Sementara itu, turut disumbangkan adalah wang khairat kematian kepada 52 waris warga emas yang meninggal dunia.

Beliau berkata, kejayaan tersebut adalah hasil pentadbiran Kerajaan Negeri yang Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

Turut hadir di majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) yang juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu, Phee Boon Poh, A. Tanasekharan (ADUN Bagan Dalam), Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Utara).

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

**GEORGE TOWN** – Seramai 323 peniaga Pasar Lebuh Cecil syukur apabila projek menaiktaraf pasar tersebut telah siap sepenuhnya pada Oktober lalu hasil inisiatif khas Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dalam mempertingkatkan kemudahan pasar-pasar di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri dan MPPP prihatin dengan nasib penjaja, oleh itu, langkah-langkah akan diambil untuk menempatkan para penjaja di tempat perniagaan yang lebih selesa serta teratur dengan kemudahan dan bekalan asas.

“Kerajaan Negeri amat peka untuk pastikan semua infrastruktur dan kemudahan awam dibaik pulih dan dinaiktaraf untuk memberikan keselesaan kepada peniaga dan juga pengunjung yang bukan sahaja di sini tetapi di semua pasar di Pulau Pinang,” katanya ketika merasmikan Pasar Lebuh

## Pasar Lebuh Cecil siap dinaiktaraf



KETUA Menteri berjabat tangan dengan salah seorang peniaga ikan di Pasar Lebuh Cecil yang telah siap dinaiktaraf.

Cecil di sini baru-baru ini.

Penaiktarafan pasar tersebut adalah antara lima pasar yang diperuntukkan untuk kerja-kerja menaiktaraf selain

Pasar Jelutong, Pasar Pulau Tikus, Pasar Air Itam dan Astaka Batu Maung.

Terdahulu, Yang Dipertua MPPP, Patahiyah Ismail berkata, pihaknya

sedang berusaha untuk memperbaiki dan menaiktaraf kemudahan perniagaan sedia ada yang akan dilengkapi dengan keperluan asas termasuk bekalan air dan elektrik.

“Sehingga kini, pihak Majlis telahpun menyediakan sejumlah 23 buah pasar awam, 40 buah kompleks penjaja dan 50 buah tapak penjaja. Kemudahan-kemudahan ini akan terus diselenggara dan dinaiktaraf dari semasa ke semasa.

“Namun, untuk menjayakan program-program menaiktaraf tapak-tapak penjaja khususnya dan program peningkatan kebersihan gerai perniagaan, komitmen serta penglibatan masyarakat penjaja amatlah diperlukan,” tambahnya.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik dan ADUN Pengkalan Kota, Lau Keng Ee.

# Kerajaan Negeri bertindak adil, tiada diskriminasi dalam pendidikan

Oleh : ZULIANA AZIZ

**BAGAN** – “Sebagai sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang sedaya-upaya membantu rakyat yang memerlukan selagi kami masih berdiri di hadapan tuan-tuan dan puan-puan,” begitulah ungkap Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Majlis Penyampaian Bantuan Pelajar Termiskin Parliment Bagan, di sini baru-baru ini.

Seramai 250 pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima dari lima buah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mak Mandin, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) Chung Ling, SMK Bagan Jaya, SMK Kampung Kastam dan SMK Convent, Butterworth terlibat dalam majlis yang diadakan di Dewan Dato’ Haji Ahmad Badawi, Butterworth di sini.

Menurut Ketua Menteri, Kerajaan Negeri tidak pernah mengamalkan diskriminasi dari segi aspek agama, bangsa, jantina dan fahaman politik. Kerajaan Negeri bertindak adil dengan membantu semua golongan termasuk warga emas, ibu tunggal, orang kelainan



SEBAHAGIAN pelajar menunjukkan sumbangan bantuan pelajar termiskin yang diterima di sini baru-baru ini.

upaya (OKU), anak-anak baru kelahiran negeri ini, mahasiswa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan pelajar emas dengan memberikan bantuan setiap tahun dan bukannya lima tahun sekali.

Dalam pada itu, beliau turut melahirkan rasa kesal apabila terdapat dua buah sekolah yang pada mulanya enggan memberikan kerjasama, namun, mereka

akhirnya akur apabila Kerajaan Negeri meminta bantuan daripada Pengarah Pelajaran bagi menasihati kedua-dua buah sekolah terbabit.

“Perkara seperti ini sepatutnya tidak boleh berlaku kerana sebagai sebuah kumpulan profesional, seharusnya segala tindakan dan keputusan yang dilakukan juga mestilah profesional,” tegas Ketua

Menteri lagi.

Dalam ucapannya, beliau turut menyatakan bahawa penguasaan pendidikan merupakan senjata utama bagi memerangi kemiskinan. Beliau berharap agar tahun 2012 memberikan keazaman dan pemangkin semangat kepada semua pelajar untuk terus berjuang bagi mencapai kejayaan dalam pelajaran masing-masing.

## 504 terima zakat Yayasan Aman

Oleh : MOHD. HAFIZ TAJUDIN

**PENANTI** – Seramai 504 penerima yang tergolong dalam asnaf-asnaf zakat di seluruh Parlimen Permatang Pauh telah menerima sumbangan zakat yang disampaikan oleh Pengerusi Yayasan Aman, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail di sini baru-baru ini.

Wan Azizah menyatakan bahawa harta adalah pinjaman daripada Allah S.W.T., maka, adalah tanggungjawab seseorang umat Islam untuk menghulurkan bantuan (zakat) kepada mereka yang memerlukan.

“Kita berikan kepada mereka yang berhak. Kita juga kena tunaikan zakat (untuk keperluan mereka yang susah),” katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan Zakat di bangunan Yayasan Aman baru-baru ini.

Beliau dalam pada itu memuji kecekapan pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang

dengan menyatakan bahawa walaupun Ketua Menteri bukan beragama Islam, sumbangan yang diberikan kepada masyarakat adalah sangat banyak, antaranya, di bawah Program Anak Emas, Program Penghargaan Warga Emas, Program Pelajar Emas dan juga ibu tunggal.

Pada masa sama, Timbalan Ketua Menteri I yang juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Datuk Mansor Othman berkata, dengan urustadbir yang baik dan tiada rasuah, pelbagai sumbangan dapat disampaikan kepada rakyat dan bukannya hanya terhad kepada bantuan zakat.

Yayasan Aman adalah pertubuhan kebajikan yang telah ditubuhkan pada 17 Januari 1983 untuk memberikan bantuan kepada mereka yang ingin menunaikan ibadah haji, menyampaikan bantuan zakat, biasiswa serta bantuan perubatan bagi yang memerlukan.



MANSOR Othman (kiri sekali) dan Wan Azizah Wan Ismail (kanan sekali) menyampaikan bantuan zakat kepada salah seorang kanak-kanak kelainan upaya pada Majlis Penyampaian Bantuan Zakat Yayasan Aman di sini baru-baru ini.

# Konvensyen 2012 lonjak kemenangan PR ke Putrajaya

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**  
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**ALOR SETAR** – Konvensyen Pakatan Rakyat Peringkat Kebangsaan 2012 pada 14 Januari lepas di Stadium Sultan Abdul Halim, Kedah nampaknya terus melonjak semangat rakyat yang lebih jitu untuk mengambil alih pentadbiran kerajaan pusat di Putrajaya.

Disebabkan itu, mereka, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Presiden PKR), Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Presiden PAS) serta pemimpin utama yang lain bersetuju menjadikan moto “Bersihkan Malaysia” sebagai agenda utama rakyat dalam menghadapi pilihan raya umum ke-13 yang diramalkan paling awal pada Mac ini.

Kira-kira 1,500 perwakilan hadir pada konvensyen penting tersebut. Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Razak selaku ‘tuan rumah’ turut hadir dalam konvensyen itu.

Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar selaku pengurus jawatankuasa pengajur ketika menyampaikan ucapan aluan membayangkan konvensyen kali ini sebagai pecutan akhir sebelum pilihan raya umum.

Kata beliau, ketiga-tiga komponen parti oposisi tidak boleh memandang enteng pada parti-parti saingan kerana pemimpin utama Umno sendiri menyifatkan pilihan raya kali ini sebagai “pilihan raya paling dasyat” dan “ibu segala pilihan raya”.

Nada yang sama turut disuarakan oleh Senator Tunku Abdul Aziz Ibrahim.

Paling menarik pada konvensyen tersebut adalah Pakatan Rakyat mengetengahkan empat Tawaran Jingga :

**Pertama**, Dasar Felda yang lebih menguntungkan peneroka, bukan kroni-kroni parti pemerintah.

**Kedua**, Dasar Anti Monopoli dalam Bernas, Import Lesen (AP), perkhidmatan televisyen, lesen teksi dan sebagainya.

**Ketiga**, Dasar Pengukuhan Federalisme dengan tidak lagi menafikan hak seluruh rakyat di bawah Kerajaan Negeri menerima hak yang lebih adil daripada kerajaan pusat. Contoh, hak rakyat Kelantan menerima royalti minyak. Contoh lain, hak Pulau Pinang menerima dana pembangunan dari pusat hasil kutipan cukai di negeri berkenaan.

**Keempat** dan terakhir, Dasar Memperkasakan Perkhidmatan Awam dengan tidak lagi membebankan mereka dengan tugas-tugas tidak rasmi seperti memaksa mereka menyokong penyelewengan yang dilakukan oleh parti pemerintah.



PARA perwakilan tekun mendengar ucapan-ucapan yang disampaikan.



PARA perwakilan sedang memerhatikan risalah yang diedarkan.



TAPAK pameran Bahagian Penerangan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadi tumpuan para pengunjung Konvensyen Pakatan Rakyat Peringkat Kebangsaan 2012.

## Tol PLUS hapus jika PR kuasai Putrajaya di PRU13

**ALOR SETAR** – Pakatan Rakyat (PR) berjanji akan berusaha menghapuskan tol Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) sekiranya memerintah Putrajaya di pilihan raya umum ke-13 kelak.

Demikian ucapan penggulungan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng di Konvensyen Pakatan Rakyat Ke-3 pada 14 Januari lepas, di sini.

Beliau berkata, pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sepatutnya boleh menyelesaikan isu tol tersebut sekiranya mereka mahu mengurangkan beban hidup rakyat.

“Kos pembinaan PLUS RM6 bilion, tahun lalu, keuntungan PLUS RM24.3 bilion. Jadi untungnya adalah lebih RM18 bilion. Apakah mustahil untuk menghapuskan tol PLUS,” kata beliau.

Ucapan Setiausaha Agung DAP Kebangsaan itu mendapat tepukan gemuruh daripada perwakilan yang hadir, baik daripada DAP, PKR serta PAS.

Beliau berkata, janji tersebut hanya melibatkan PLUS sahaja, tidak membabitkan konsesi lebuhraya yang masih belum mendapat keuntungan dan pulangan modal.

Katanya lagi, Pakatan Rakyat

turut mengulangi komitmen untuk menurunkan harga minyak serta barang keperluan asasi rakyat yang lain demi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

“Semua tawaran Pakatan Rakyat sebagaimana yang dicatatkan dalam Buku Jingga itu tidak mustahil dilaksanakan kelak. “Ini kerana katanya, Pakatan Rakyat sejak memerintah Pulau Pinang, Selangor, Kelantan dan Kedah pada Mac 2008 lepas telah berjaya memperbaiki kualiti hidup rakyat jika dibandingkan dengan era Barisan Nasional memerintah negeri berkenaan.



KETUA Menteri (dua dari kanan) bersama pemimpin-pemimpin PR di Konvensyen PR Ke-3 di sini baru-baru ini.

# Hari Tanpa Kenderaan buka peluang niaga

Oleh: ZULIANA AZIZ

**GEORGE TOWN** – Sebagai pembukaan lembaran baru tahun 2012, satu sesi senamrobik yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah diadakan secara besar-besaran bersama rakyat negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Yang DiPertua (YDP) MPPP, Ar. Patahiyah Ismail turut turun padang bagi memeriahkan program yang diadakan selama dua jam bermula tepat pukul 8.00 pagi bertempat di Lebuh Pantai di sini, baru-baru ini.

Bersempena program berkenaan, kawasan Lebuh Pantai meriah dengan ribuan masyarakat berbilang kaum, bangsa, agama dan peringkat umur bagi mengikuti senamrobik bersama-sama dengan Ketua Menteri dan sekaligus tidak melepaskan peluang untuk mengenali pemimpin tertinggi di pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang terbabit.

Dalam pada itu, program senamrobik yang diadakan juga bersempena dengan Hari Tanpa

Kenderaan pada setiap hari Ahad bermula jam 7.00 pagi hingga 5.00 petang yang telah digazetkan oleh MPPP dan Kerajaan Negeri iaitu sebahagian Lebuh Pantai di antara Lebuh Cina dan Lebuh Union (256 meter), sebahagian Lebuh Gereja di antara Lebuh Pantai dan Lebuh Penang (182 meter), sebahagian Lebuh Bishop di antara Lebuh Pantai dan Lebuh Penang (186 meter) serta Gat Lebuh Gereja (211 meter).

Semua kenderaan bermotor seperti motosikal, kereta dan bas tidak dibenarkan untuk melalui jalan-jalan berkenaan bagi membuka ruang kepada peniaga di sekitar kawasan terlibat untuk menjalankan perniagaan pada setiap hari Ahad dengan lebih selamat.

Selain itu, pelaksanaan Hari Tanpa Kenderaan juga diharapkan dapat mencetuskan lebih banyak peluang perniagaan kerana kawasan tersebut merupakan kawasan yang diketahui umum dan menjadi tumpuan para pelancong.

Turut sama memeriahkan aktiviti senamrobik pada hari tersebut ialah beberapa orang Ahli Majlis MPPP serta kumpulan ‘skaters’ tempatan dan Singapura.



KETUA Menteri bersama-sama memeriahkan sesi senamrobik Hari Tanpa Kenderaan di sini baru-baru ini.

**PERMOHONAN RUMAH  
KOS RENDAH /  
SEDERHANA RENDAH**

# SILA KEMASKINI MAKLUMAT ANDA!

申请廉价屋 / 中廉价屋  
请更新您的资料

நடுத்தர மலிவு விலை வீடுகளுக்கான விண்ணப்பம்  
உங்கள் விபரங்களைப் புதுப்பித்துக்கொள்ளுங்கள்

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web <http://erumah.penang.gov.my>  
atau Tel: 04-650 5392 / 04-650 5336 Emel: [erumah@penang.gov.my](mailto:erumah@penang.gov.my)



BAHAGIAN PERUMAHAN  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
TINGKAT 20, KOMTAR  
10503 PULAU PINANG



**MULAI DARI 15 DISEMBER 2011 KE 31 MAC 2012**

**Permohonan sebelum tahun 2008 perlu  
dikemaskini maklumat. Selepas dikemaskini,  
baru layak untuk ditawarkan rumah.**

**Borang pengemaskinian PN2 boleh didapati di:**

- Pejabat Wakil Rakyat
- Pejabat Daerah Dan Tanah
- Pejabat Rancangan Perumahan
- Bahagian Perumahan Tingkat 3 dan 20, Komtar

**从2011年12月15日至2012年3月31日**

**只有在2008年前申请者需要更新资料，  
只有在资料更新后才有资格获得献议房屋。**

**更新表格(PN2)可在以下地点获得：**

- 人民代议士办公室
- 县属办公室
- 政府组屋房屋部办公室
- 光大3楼和20楼房屋部

**15 டிசம்பர் 2011 முதல் 31 மார்ச் 2012 வரை**

2008-ஆம் ஆண்டிற்கு முன்னர் விண்ணப்பித்தவர்கள் விபரங்களைப் புதுப்பிக்க வேண்டும். புதுப்பிக்கப்பட்ட பிறகே வீடுகள் பெற தகுதி பெறுவர்.

விண்ணப்பப் படிவங்கள் (பி.என்.2) இவ்விடங்களில் பெறலாம்:

- மக்கள் பிரதிநிதிகளின் அலுவலகம்
- நில மற்றும் வட்டார அலுவலகம்
- விடுமைப்பு திட்டத்தின் அலுவலகம்
- விடுமைப்பு பிரிவு 3 மற்றும் 20-ஆம் மாடி, கொம்தார்

# Penduduk Kg. Cross Street 2 dirai

Oleh : MOHD. HAFIZ TAJUDIN

**PERMATANG PASIR** – Seramai 120 warga emas dan 250 kanak-kanak diraiakan dalam satu majlis sempena sambutan Tahun Baru Cina di Kampung Cross Street 2 di sini baru-baru ini.

Apa yang unik adalah acara tersebut merupakan sambutan terakhir yang diadakan bersama kira-kira 300 keluarga di kawasan berkenaan berikutan tanah terbabit bakal dibangunkan kelak.

Pengerusi Jiran Wanita, Kawasan Rukun Tetangga Kampung Cross Street 2, Shoong Yoona yang telah 24 tahun menetap di sana menyatakan bahawa para penduduk telah bersepakat untuk menerima pampasan antara RM30,000 hingga RM45,000 daripada pihak pemaju.

“Justeru, kami akan berpindah ke tempat lain. Sambutan ini merupakan yang kali terakhir di Kampung Cross Street 2,” katanya pada Majlis Sempena Sambutan Tahun Baru Cina Kampung Cross Street 2 di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir yang hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan



**MOHD. Salleh Man (depan, kiri sekali)** menyampaikan ‘ang pow’ kepada kanak-kanak sempena Sambutan Tahun Baru Cina Kampung Cross Street 2 di sini baru-baru ini.

berkata, majlis tersebut telah berjaya dianjurkan untuk dua tahun berturut-turut sejak tahun lalu.

Pada majlis tersebut, Mohd. Salleh telah menyampaikan hamper kepada warga emas dan ‘ang pow’ kepada golongan kanak-kanak.

“Saya amat berterima kasih kepada para penduduk kerana walaupun sumbangan yang diberikan tidak seberapa, namun segenap penduduk kampung tetap hadir tanda mereka terus yakin dan menyokong kepimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang,” ujar beliau.

## Mangsa kebakaran Penanti dapat bantuan segera

**SEGERA...** Prihatin dengan nasib yang menimpa seorang mangsa kebakaran di Kampung Kubang Ulu, Mukim 20, Penanti, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman telah tampil menyampaikan sumbangan segera di sini baru-baru ini.

Selain wang tunai, antara sumbangan yang disampaikan adalah beberapa barang keperluan asas kepada mangsa, Abdul Malik Ahmad, 42, yang kini menumpang di rumah saudara di kawasan berhampiran.

Sumbangan tersebut umumnya dapat mengurangkan beban ditanggung Abdul Malik yang mengalami kerugian kira-kira RM70,000 ekoran kejadian tersebut.



**MANSOR** Othman (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Abdul Malik (kanan sekali) selepas rumahnya hangus dalam kejadian kebakaran di Kampung Kubang Ulu, Mukim 20, Penanti di sini baru-baru ini.

## Hutang Kerajaan Persekutuan naik 71% dalam 4 tahun- Ketua Menteri

Oleh : ZULIANA AZIZ

**GEORGE TOWN** – Malaysia akan menjadi negara penghutang sebelum akhir dekad ini sekiranya Kerajaan Persekutuan meneruskan cara-cara perbelanjaan dan peminjaman yang tidak bertanggungjawab, tegas Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Guan Eng dalam kenyataan akhbarinya menyatakan bahawa, nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat setiap tahun dari 53.1% pada tahun 2010, 53.8% pada tahun 2011 hingga 54.8% pada tahun 2012. Kadar hutang ini amat membimbangkan kerana sudah hampir mencelah siling hutang negara iaitu 55%.

Katanya, mengikut fело Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Mohd. Ariff Abdul Kareem, sekiranya Kerajaan Persekutuan terus meminjam seperti sekarang, nisbah hutang kepada KDNK negara akan mencapai 100% ataupun menyamai KDNK menjelang tahun 2019.

“Secara mutlak, hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat sebanyak 71% dalam tempoh empat tahun kepada RM456 bilion pada akhir 2011 daripada RM266 bilion pada akhir 2007. Jika kadar peningkatan yang sama diteruskan, hutang negara akan meningkat kepada RM780 bilion pada tahun 2016 dan RM1,300 bilion pada tahun 2020,” nyatanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di Komtar di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, yang lebih merunsingkan, Mohd. Ariff juga menyatakan bahawa kadar pinjaman negara adalah jauh lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan ekonomi.

“Jika tindakan tidak diambil untuk menyongsangkan trend dalam perbelanjaan dan pendapatan kerajaan, ekstrapolasi menunjukkan bahawa hutang negara Malaysia akan menjadi 100% KDNK menjelang 2019.

“Ini amat berbahaya, dan lebih teruk lagi jika ditambah dengan data Laporan Tahunan Bank Negara 2010 yang mendedahkan bahawa hutang isi rumah Malaysia pada akhir 2010 berada di tahap RM581 bilion atau pun 76 peratus daripada KDNK, lantas “menobatkan” Malaysia sebagai negara dengan hutang isi rumah tertinggi di Asia selepas Korea Selatan.

“Tambahan pula, nisbah bayaran hutang isi rumah Malaysia berada di tahap 47.8 peratus pada tahun 2010, atau dalam erti kata lain, setengah daripada pendapatan isi rumah digunakan untuk pembayaran hutang,” tegas Guan Eng.

Katanya, rakyat Malaysia bukan sahaja dibebani hutang piutang, tetapi kos barang-barang harian juga sedang melambung sementara pendapatan dan gaji tidak meningkat. Susu bayi pun telah naik harga sebanyak 50% baru-baru ini. Antara kos barang harian yang meningkat adalah gula : RM1.45/kg (Januari 2010) kepada RM2.30 (Mei 2011) – 58% dalam 18 bulan ; telur: Gred B RM9/30 biji (September 2010) kepada

RM10/30 biji (sekarang) ; tarif elektrik : kenaikan purata 7.12% pada bulan Jun 2011 ; teh tarik dan kopi susu : kenaikan RM0.10 hingga RM0.20 (9.1% hingga 18.2%) ; roti Gardenia : kenaikan 5-14% (2011) ; cukai perkhidmatan : kenaikan 1% (cukai tambahan RM720 juta untuk Kerajaan Persekutuan) ; bawang : kenaikan 17% (Dis 2010) ; Milo: kenaikan 5% pada suku pertama 2011, 4% pada setengah tahun kedua 2011 ; Nescafe: kenaikan 6% pada setengah tahun kedua 2011, di mana harga sudah >RM20/300gm.

Jelasnya lagi, semua makanan kegemaran ramai seperti roti canai, char koay teow dan nasi kandar makin kecil bahagiannya walaupun harga tetap sama.

“Sebaliknya, negeri-negeri Pakatan Rakyat telah berjaya mengurus kewangan supaya rakyat tidak dibebani hutang. Di Pulau Pinang, hutang Kerajaan Negeri telah dikurangkan daripada RM630 juta pada 8 Mac 2008 kepada RM30 juta pada akhir Oktober 2011. Ini merupakan pengurangan sebanyak 95% ataupun RM600 juta, iaitu pengurangan yang paling besar dalam sejarah mana-mana negeri di Malaysia.

“Jelas bahawa rakyat Malaysia yang menginginkan kehidupan yang lebih baik hari ini dan untuk generasi masa depan hendaklah membuat pilihan di antara sebuah kerajaan yang boros dan meminjam secara tidak bertanggungjawab di samping gagal menjana perkembangan ekonomi, dengan sebuah kerajaan yang berhemat dan telus serta mengutamakan kepentingan rakyat,” kata beliau.

# 10,000 rakyat pelbagai kaum rai Tahun Baru Cina bukti P.Pinang harmoni

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

**BUTTERWORTH** – Rumah Terbuka Sempena Tahun Baru Cina 2012 anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini mencipta sejarahnya tersendiri kerana dihadiri lebih 10,000 rakyat pelbagai kaum.

Padang Merdeka berhampiran Bangunan Dato' Haji Abdullah Ahmad Badawi, di sini, menjadi saksi kemeriahannya malam penuh budaya itu dengan acara tarian naga air serta tembakan mega bunga api ke udara.

Tuan Yang Terutama (TYT) Negeri, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Abdul Rahman Abbas, Yang diPertua Negeri dan isteri Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Majimor Sharif menjadi tetamu kehormat utama di majlis penuh budaya itu.

Selain Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng serta isteri, dif kehormat lain yang hadir antaranya, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Abdul Halim Hussain, Datuk Mansor Othman (Timbalan Ketua Menteri 1) serta isteri, Prof. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri 2) serta isteri dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Juara badminton dunia, Datuk

Lee Chong Wei turut menyertai keraian mega tersebut. Beliau menerima sumbangan RM30,000 daripada Kerajaan Negeri atas rekod kejayaannya mengharumkan nama negara di persada dunia.

Tarian patung klasik masyarakat Cina dan Opera Cina antara acara menarik yang menarik perhatian pengunjung yang hadir. Konsert kebudayaan turut diadakan pada malam tersebut.

Guan Eng ketika menyampaikan ucapan alu-aluan berkata, kunjungan rakyat berbilang kaum pada malam tersebut sebenarnya mencerminkan rakyat Malaysia yang sebenar.

“Pada malam ini, kita dapat lihat orang Melayu, orang India, orang Sikh, pelancong-pelancong walaupun Tahun Baru Cina ini adalah perayaan budaya orang Cina.

“Inilah Pulau Pinang, negeri yang harmoni



TARIAN naga air merupakan antara persembahan menarik yang dipersembahkan pada anjuran Rumah Terbuka Sempena Tahun Baru Cina 2012 anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

dengan pelbagai etnik, adat resam, budaya dan kepercayaan. Inilah Pulau Pinang, ‘laksa Penang’ antara makanan Pulau Pinang yang



LEE Chong Wei menjadi perhatian media selepas menerima sumbangan RM30,000 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas kejayaannya mengharumkan nama negara.



TUN Abdul Rahman Abbas (depan, berbaju kelabu) bersama Ketua Menteri menyaksikan gimik tarian naga air.

REPLIKA pahlawan kuno Cina untuk ‘tarian patung’ antara yang menarik perhatian kanak-kanak yang hadir.

## Rumah Terbuka Tahun Baru Cina KM meriah



ABDUL Rahman Abbas (tengah), Mansor Othman (tiga dari kiri), P. Ramasamy (dua dari kiri) dan Farizan Darus (kiri sekali) tidak melepaskan peluang mengaul Yee Sang bersama Ketua Menteri dan isteri.



KETUA Menteri (dua dari kiri) dan isteri, Betty Chew (tiga dari kiri) ramah melayan tetamu berbilang bangsa yang hadir pada sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Ketua Menteri di PISA baru-baru ini.

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

**GEORGE TOWN** – Lebih 10,000 pengunjung menyerbu rumah terbuka Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sempena Tahun Baru Cina di Pusat Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA), di sini, baru-baru ini.

Majlis yang bermula seawal jam 10 pagi dan berakhir tiga jam kemudian, menjadi tumpuan orang ramai bukan saja dalam kalangan penduduk tempatan,

malah, turut disertai semua lapisan masyarakat di negeri ini termasuk para pemimpin untuk sama-sama memeriahkan sambutan tahun naga tersebut.

Guan Eng mula menjadi tumpuan orang ramai sebaik tiba kira-kira jam 9.30 pagi, pengunjung termasuk kanak-kanak mengambil peluang bergambar bersama beliau. Beliau yang hadir diiringi isteri, Betty Chew dan barisan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak melepaskan peluang untuk meraikan Tahun Baru Cina

yang pastinya menjanjikan sesuatu yang lebih baik daripada tahun lepas.

Selain itu, para pengunjung disajikan dengan persembahan kebudayaan, acara nyanyian, tarian dan persembahan boria dari kumpulan kebudayaan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) yang menjadi simbolik negeri.

Hadir sama ke sambutan rumah terbuka adalah Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri Toh Puan

Majimor Shariff, Timbalan Ketua Menteri 1, Datuk Mansor Othman, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Ayub Yaakob. Turut hadir Penggerusi Jawatankuasa Kerja Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Datuk Dr. Teng Hock Nan dan Ahli Dewan Undangan Negeri Teluk Bahang, Datuk Dr. Hilmi Yahya.

# Inovasi pacu kecemerlangan penjawat awam

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

## GEORGE TOWN –

‘Kecemerlangan Budaya Inovasi’ berpaksikan urus tadbir Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) diharap menjadi formula yang mampu melahirkan modal insan berinovasi dalam kalangan pentadbir dan penjawat awam di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan majlis berkata, inovasi adalah pengertian yang signifikan dan

elemen penting untuk dihayati serta direalisasikan oleh semua penjawat awam bagi menjayakan ekonomi negeri dan mentransformasikan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa.

“Dalam arus globalisasi, inovasi dan kreativiti merupakan faktor utama membezakan kecemerlangan sesebuah jabatan dengan yang lain. Tiga penggerak utama ke arah inovasi bersifat global ialah perlu kerja keras tanpa



KETUA MENTERI ditemani Farizan Darus (kiri sebelah) mendengar penerangan daripada salah seorang wakil peserta Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang.

putus asa, kerja dengan amanah dan jujur serta kerja secara berkumpulan.

Menurutnya, tiga aspek yang menyebabkan Malaysia masih jauh ketinggalan adalah kerana penguasaan Bahasa Inggeris, kurang pendedahan di peringkat global dan wujudnya budaya syok sendiri.

“Kecemerlangan bukan bergantung kepada bilangan kakitangan yang ramai, tetapi nilai, mutu dan taraf pemikiran

kreatif dalam menyelesaikan masalah. Pelaksanaan idea-idea inovasi yang boleh diaplikasi di peringkat global perlu digembeleng, bukan setakat kepuasan diri sendiri saja,” ujarnya pada Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.

Sambutan Hari Inovasi tahun ini menyaksikan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengondol hadiah wang tunai RM10,000 dan sijil penghargaan

dalam pertandingan mencipta slogan Hari Inovasi Peringkat Negeri anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Turut hadir memeriahkan majlis, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow.



PENJAWAT awam, Kamarul Hafiz (dua dari kanan) berjabat tangan dengan S. Kubalan (dua dari kiri) sambil diperhatikan oleh Ismail Ishak (kiri) dan Hasnah Sulaiman (kanan) setelah terpilih menerima hadiah saguhati pertandingan mencipta slogan Hari Inovasi di sini baru-baru ini.

## Cadangan 22 projek atasi kesesakan tidak mendapat maklum balas persekutuan

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

**GEORGE TOWN** – Bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas di negeri ini, sebanyak 22 projek pembinaan dan pembangunan Kerajaan Negeri yang telah dihantar kepada kerajaan persekutuan belum memperoleh sebarang maklum balas daripada pihak bertanggungjawab berkaitan.

Antara projek utama yang tersenarai adalah projek pembinaan sebuah jejakat menghubungkan laluan Jalan Tun Hussein Onn (Seberang Jaya) dan Lebuhraya Butterworth-Kulim (Butterworth-Kulim Expressway – BKE) dalam Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi), Lim Hock Seng, cadangan pembinaan laluan alternatif tersebut adalah bagi mengatasi kesesakan

lalulintas di bulatan Seberang Jaya antara laluan Jalan Tun Hussein Onn ke Butterworth.

“Laluan di bulatan Seberang Jaya acapkali sesak terutama ketika waktu puncak hari bekerja. Hal ini turut menyebabkan laluan Lebuhraya Utara Selatan menuju ke selatan dan Jambatan Pulau Pinang sesak.

“Justeru, Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan pembinaan laluan alternatif keempat sejaух tiga kilometer menghubungkan laluan BKE di kedua-dua arah kepada Kerajaan Persekutuan. Namun, hingga kini masih belum ada tanda-tanda bahawa cadangan tersebut diterima atau diluluskan,” katanya pada sidang akbar di sini baru-baru ini.

Beliau bercakap demikian bagi mengulas kenyataan parti politik Gerakan yang telah mendesak Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas



di kawasan tersebut dengan kadar segera sebelum ini.

Tambah Hock Seng, projek pembinaan yang bakal menelan belanja RM215.4 juta itu bukan sahaja mampu mengatasi masalah kesesakan di kawasan tersebut malah turut memberi manfaat kepada pengguna-pengguna jalanraya.

# Orang ramai dipelawa beri pandangan draf RKK Taman Botani

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**KEBUN BUNGA** – Selain badan-badan bukan kerajaan, Kerajaan Negeri mengalukan orang ramai untuk memberi pandangan, syor atau bantahan yang ingin dikemukakan dengan merujuk kepada Draf Rancangan Kawasan Khas Taman Botani.

Ini adalah ekoran inisiatif Kerajaan

Negeri menambah keluasan Taman Botani kepada 598 ekar yang meliputi 29 buah kawasan antaranya pusat pelawat, Taman Kampung, ‘Malaysian Boulevard’, ‘Bambusetum’, Rumah ‘Epiphyte’, Galeri Orkid dan Rumah Perdana dari yang asal, 72 ekar.

Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri merangkap Penyelaras Kajian Rancangan Kawasan Khas Taman

Botani, Zainuddin Ahamad berkata, program publisiti tersebut dijalankan selama empat minggu sehingga 15 Februari 2012.

“Kami mengalau-alukan orang ramai untuk memberi pendapat serta syor yang difikirkan perlu sebelum kita mewartakan Rancangan Kawasan Khas ini.

“Justeru, mereka yang ingin mengetahui tentang Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Taman Botani atau *Botanical Garden Draft Special Area Plan* boleh menghubungi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang di Tingkat 57, KOMTAR atau di talian 04-262 1957,” katanya pada Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Taman Botani di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah mengeluarkan peruntukan sebanyak RM688,878.00 pada tahun lalu bagi penyediaan RKK Taman Botani di sini baru-baru ini.



**ZAINUDDIN AHMAD** (kanan) menjelaskan mengenai draf RKK kepada Ketua Menteri pada Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RKK Taman Botani, di sini baru-baru ini.

“Tujuan RKK adalah bagi mengenalpasti medium terbaik dalam pengurusan dan projek-projek pembangunan serta pemuliharaan dalam mempergiatkan sektor pelancongan negeri.

“RKK ini disediakan oleh perunding tempatan yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang botani dan perancangan fizikal,” jelas beliau.

Berterita pasal Konvensyen Pakatan Rakyat 2012 yang diadakan di Alor Setar baru-baru ini turut ditabur fitnah kononnya hambar dan tiada sambutan oleh puak UMNO. Menurut sumber yang boleh dipercayai, lebih 30 ribu hadir yang hadir. Tak percaya, pi tanya orang Kedah sendiri. Konvensyen kali ini bukan sahaja menjadi milik eksklusif Pakatan Rakyat, malah, pemimpin pelbagai latar belakang yang berwibawa turut mengisi pentas pidato utama. Antaranya terdiri dari wakil penjawat awam, wakil Sabah, wakil Sarawak, wakil Budayawan, wakil Ahli Akademik, wakil NGO dan juga wakil mahasiswa. Ruang dan peluang keemasan seumpama ini tidak mungkin diberi untuk bersuara oleh kerajaan UMNO.

Kestabilan kerajaan Pulau Pinang di bawah pimpinan Lim Guan Eng seringkali disebut-sebut sebagai negeri terbaik yang diperintah oleh Pakatan Rakyat. Meskipun diasak kiri dan kanan oleh “geng mamak” yang hampa kerana tidak lagi memonopoli kontrak Kerajaan Negeri dan media arus perdana, Pulau Pinang tetap gagah perkasa di bawah Guan Eng. Imej beliau dalam kalangan orang-orang Melayu di Pulau Pinang semakin positif berkat bimbingan dan usaha bersama pemimpin-pemimpin Melayu lain dalam Pakatan Rakyat. Fenomena ini terbukti apabila semakin ramai pemimpin dan tokoh Melayu mula melangkah ke dalam parti DAP sendiri.

Usahasama politik Pakatan Rakyat mempunyai peluang cerah dalam PRU13 nanti. Walaupun di sebalik proses pilihan raya yang berlangsung secara tidak adil dan penuh dengan pelbagai spekulasi yang mendera dan menekan parti-parti komponen Pakatan Rakyat, namun Putrajaya bukanlah mustahil.

Putera Pulau



CHOW Kon Yeow menunjukkan salah sebuah tandas awam yang bakal melalui penjenamaan semula di Pulau Pinang.

# Semua diseru cipta tema Kempen Tandas Bersih KN

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

**GEORGE TOWN** – Selaras dengan inisiatif ke arah Pulau Pinang Bersih dan Hijau, Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Tempatan telah menganjurkan satu Pertandingan Mencipta Tema sempena Kempen Tandas Bersih Peringkat Negeri Pulau Pinang tahun ini.

Kerjasama bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Bahagian Kerajaan Tempatan tersebut terbuka kepada seluruh rakyat Pulau Pinang dari peringkat sekolah rendah sehingga dewasa.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow pada satu sesi sidang media berkata, Kerajaan Negeri akan menfokuskan kepada kebersihan tandas yang menjadi pengukur penting kepada sejauhmana tahap kebersihan

sesebuah bandaraya.

“Tandas awam tempat yang digunakan orang ramai, ia akan memberikan impak kepada pengguna sama ada dari sudut positif maupun negatif.

Tambah beliau, tema yang terpilih akan digunakan pada Perasmian Kempen Tandas Bersih yang diadakan pada Mac 2012.

“Selain daripada plak dan sijil penghargaan, para peserta berpeluang merebut hadiah tempat pertama bernilai RM750, kedua (RM500), ketiga (RM300) dan lima hadiah saguhati RM50 yang disediakan,” katanya.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut dan borang penyertaan yang telah disediakan di laman sesawang, <http://www.penang.gov.my> ataupun hubungi urus setia pertandingan di 04-6505658. Pertandingan tersebut bakal berakhir pada 15 Februari 2012.

# Agensi kerja diseru wujudkan sistem jalinan padanan kerjaya ibu tunggal

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **CHAN LILIAN**

**TANJUNG TOKONG** – Di sebalik senyuman yang dilemparkan ibu tunggal, Anne Katherine, 34, siapapun pasti tidak menjangka bahawa beliau merupakan salah seorang mangsa keganasan rumah tangga yang terpaksa menyara tujuh cahaya mata dengan tulang empat keratnya.

Anne yang juga merupakan bekas penuntut pengajian undang-undang (terpaksa berhenti kerana berkahwin di usia 20 tahun) di salah sebuah universiti tempatan bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan kesempitan hidup, malah, beliau terpaksa menyara tujuh orang anaknya yang berusia antara dua hingga 15 tahun.

Simpati dengan nasib yang menimpanya, Buletin Mutiara berkesempatan berkunjung ke kediamannya bersama Pengurus Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi baru-

baru ini.

Menurut Lydia, berbeza dengan kunjungan sebelumnya, kunjungan beliau kali ini membawa berita gembira kepada keluarga Anne.

“Tiga individu telah bersetuju untuk membayai kos sewa rumah yang berjumlah RM450.00 sebulan selama satu tahun. Mereka ialah orang perseorangan, Lena Leong, Joyce Lee dan Daisy Ooi,” ujar Lydia.

Tambahnya, pemberian bantuan tersebut merupakan salah satu cara bagi membantu meringankan beban yang dipikul oleh mangsa keganasan rumah tangga selain mencari badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu mangsa dari segi kewangan.

Anne yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan kini ternyata terharu dengan bantuan yang diberikan dan berterima kasih kepada Lydia yang prihatin dengan nasib dialaminya.

Dalam pada itu, Lydia berpendapat agar ada agensi-agensi pekerjaan yang mewujudkan sebuah sistem jalinan padanan kerjaya kepada ibu-ibu tunggal



**LYDIA Ong (berkaca mata)** dan wakil NGO yang turut serta dalam lawatan menunjukkan sabun organik yang dihasilkan oleh anak perempuan Anne.

supaya mereka dapat bekerja dan menyara keluarga tanpa perlu memikul bebanan mental yang serius.

“Tidak perlu beri mereka wang ringgit setiap bulan, sebaliknya, sediakan peluang pekerjaan yang lebih terjamin kepada ibu-ibu tunggal dan mangsa keganasan rumah tangga supaya mereka mempunyai ruang untuk menyara keluarga,” tegas Lydia ketika diajukan soalan berkenaan bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada keluarga berkenaan.

Lanjutan itu, beliau turut mencadangkan supaya peluang pekerjaan yang diberikan kepada ibu-ibu tunggal dan mangsa keganasan rumah tangga mempunyai fleksibiliti bukan sahaja dari segi masa, malah, lokasi kerja

turut diberi perhatian.

“Benarkan mereka bekerja dari rumah kerana ini mampu memberi mereka peluang menjaga anak dan bekerja dalam suatu masa,” ujar Lydia.

Terbaru, salah sebuah NGO tampil memberi tunjuk ajar kepada anak sulung Anne, Victoria, 15, tentang cara-cara pembuatan sabun dengan menggunakan bahan-bahan asas seperti buah-buahan dan sayur-sayuran.

Sabun-sabun yang terhasil akan dijual di pasaraya terpilih di Pulau Pinang dan setiap hasil jualan akan disalurkan semula kepada pembuatnya. Malah, setiap sabun turut memilik label khas bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga.

Selain itu, tambah Lydia lagi, sumbangan yang diterima oleh Anne dari JKM berjumlah RM450 sebulan dan dari Gereja Katholik (RM200) adalah tidak mencukupi memandangkan perbelanjaan sebulan keluarga tersebut dianggarkan berjumlah RM1,500.

“Oleh itu, kita merayu sekiranya ada pihak yang ingin tampil memberikan bantuan boleh menghubungi pejabat saya di talian 04-650 5137 atau 04-650 5419 atau emelkan kepada [ongkokfooi@penang.gov.my](mailto:ongkokfooi@penang.gov.my),” ujar Lydia.



**LYDIA Ong (berkaca mata)** beramah mesra bersama anak-anak Anne.



**ANAK-anak Anne** bermanja dengan salah seorang petugas media yang mengadakan lawatan ke kediaman beliau di sini baru-baru ini.

# Asas masakan bahan organik, berkonsep Timur Tengah keunikan Asiatica

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI  
Gambar: MOHD. HAFIZ TAJUDIN

**RUANGAN** Jalan-jalan Buletin Mutiara kali ini mencari kelainan dari segi penyediaan masakan dan juga menu. Sekiranya anda menginginkan suasana yang jauh dari hiruk-pikuk kota, kontemporari dan ala Timur Tengah serta menggunakan bahan-bahan organik dalam hidangan, Restoran Asiatica *Palace of Middle East Cuisine* (Asiatica) pastinya mampu memenuhi citarasa anda.

Terletak di Pusat Bandar Bertam Perdana, Kepala Batas, restoran yang mula beroperasi pada 26 Disember 2009 itu, ternyata mempunyai keunikannya tersendiri. Malah, Jalan-jalan Buletin Mutiara turut teruja tatkala melangkah masuk ke ruang restoran tersebut.

Diiringi alunan muzik dan lagu Timur Tengah, restoran yang berkonsepkan Timur Tengah sepenuhnya ini mempunyai tiga ruangan santapan. Ruangan gazebo iaitu ruangan yang terletak di luar restoran, ruangan qibtan iaitu ruangan santapan untuk empat orang dan ruangan *Moroccan Coffee House* iaitu ruangan santai ala-Morocco.

Restoran Asiatica menyajikan makanan yang bukan sahaja halal, toyyib (terbaik), malah, bahan-bahan masakan menggunakan bahan organik. Selain itu, ia juga turut menyajikan hidangan ‘*home-made*’ terbaik



ANTARA hidangan yang mendapat sambutan pengunjung Asiatica.

## WAKTU OPERASI

Setiap hari (11 pagi – 11 malam)

No. 6C, Tingkat 2, Jalan Dagangan 3, Pusat Bandar Bertam Perdana, Kepala Batas.

Telefon : 04 - 578 0675

Sedia menerima tempahan.

dengan penggunaan bahan masakan tempatan.

Malah, semua masakan dan hidangan di restoran ini dimasak sempurna tanpa menggunakan ketuhar gelombang mikro, tanpa monosodium glutamat (MSG), tanpa translemak, tanpa bahan pengawet dan perasa dan tanpa warna tiruan.

Menurut salah seorang pekerja, pemilik restoran, Puan Noreda Hamid amat menitikberatkan pemilihan bahan-bahan masakan. Malah, semua bahan-bahan masakan tersebut mestilah organik dan bebas bahan-bahan tambahan tiruan dan dimasak mengikut sukatan sempurna.

Jalan-jalan Buletin Mutiara kali ini berkesempatan mencuba beberapa hidangan yang bukan sahaja mendapat sambutan, malah, turut menjadi hidangan utama di restoran tersebut.

Antaranya hidangan pembuka selera, *Syrian Apple Salad*, iaitu campuran koktel buah epal hijau, epal merah, kismis sultana hitam dan krim ‘mint’ yang masam-masam



**ASIATICA** *Palace of Middle East Cuisine*.

manis. Tadzizki salad atau lebih dikenali sebagai *garden salad* turut menjadi pilihan.

Selain salad, anda boleh mencuba rangkaian sup ala-Mediterranean antaranya sup lobak merah dan lemon dan sup Garbazizo.

Bagi hidangan utama pula, terdapat pelbagai pilihan yang pastinya sedap dan terbaik. Jalan-jalan Buletin Mutiara berkesempatan mencuba Shish Tawook iaitu sejenis hidangan Lebanon yang dimakan bersama isi ayam organik yang diperap bersama rempah pilihan.

Bagi yang menginginkan kelainan anda boleh mencuba rangkaian sandwic dan roti seperti A’jatal Dajaj, *Greek Chicken Kebobs*, Asiatica Arayes, Mussakka, Piza Tandoori Marsala dan Piza Minya Hawaian yang pastinya menjanjikan kenikmatan hidangan dan rasa yang tidak dapat dilupakan.

Sebagai hidangan pencuci mulut, pengunjung boleh mencuba Asiatica *crème Caramel*, Asiatica *Ice Cream* dan kek Asiatica *Muffin Cheese* dengan harga yang berpatutan.



DEKORASI Timur Tengah memenuhi segenap ruang yang ada.

# Pemegang rekod ‘Malaysian Weightlifting Championship’, pendam harapan bertemu Ketua Menteri

J IKA dilihat susuk tubuh, pasti tidak menjangka yang beliau telah mencapai usia 77 tahun. Malah, sukan bukanlah sesuatu yang asing baginya terutama sukan angkat berat yang menjadi darah daging beliau sejak remaja lagi.

Dilahirkan pada 26 Disember 1935 di Kulim, Kedah, beliau masih aktif menyertai acara angkat berat dan yang terbaru berjaya merangkul pingat emas di ‘2011 International Weightlifting Federation World Masters Weightlifting Championship’ di Limassol, Cyprus. Ikuti temubual eksklusif wartawan Buletin Mutiara (BM), AINUL WARDAH SOHILLI dan jurugambar, MOHD. HAFIZ TAJUDIN bersama Ng Chow Seng di kediaman beliau di Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam.

**BM :** Mungkin Encik boleh menceritakan serba sedikit tentang latar belakang dan pembabitan dalam sukan angkat berat ini?

**Chow Seng :** Saya mula menceburia bidang angkat berat seawal usia 14 tahun pada 1949 di Alor Setar di bawah jurulatih yang juga bekas johan angkat berat negara ketika itu, Saw Chee Seng. Pada tahun 1959, saya menyertai tentera dan berkhidmat selama 25 tahun dalam Kor Armor DiRaja sebagai ‘Warrant Officer II’. Tahun 1972, saya menyandang jawatan Jurulatih Kanan Jasmani dan Fizikal di Kem Terendak sehingga 1976.

Penyertaan awal saya dalam sukan angkat berat adalah pada

tahun 1951, ‘Penang-Kedah Weightlifting Championship’ dalam kategori ‘Fly Weight’ dan kekal sebagai johan sehingga 1953. Malah, saya juga memegang gelaran ‘Mr. Weightlifter of Penang’ dua tahun berturut-turut pada 1958 dan 1959. Di peringkat antarabangsa pula, saya menyertai SEAP di Rangoon, Burma dan merangkul tempat ketiga dalam acara 80kg Press, 80kg Snatch dan 107.5kg Clean and Jerk bagi kategori Bantam Weight.

Pada usia 54 tahun, saya menyertai 4th World Masters Weightlifting Championship di Orlando, Florida dan merangkul tempat ketiga. Selain Florida, banyak lagi kejohanan angkat berat peringkat dunia yang saya

sertai antaranya di England, Australia, Poland, Perancis dan Jerman.

**BM :** Selain sukan angkat berat, difahamkan Encik juga menyertai sukan tinju. Mungkin Encik boleh berkongsi sedikit sebanyak tentang pembabitan dalam sukan berkenaan.

**Chow Seng :** Pada 1963, saya ada menyertai kejohanan tinju iaitu 1st Federation Regimental Boxing dalam kategori Light Weight dan muncul juara. Malah, saya mengekalkan kejuaraan untuk tiga tahun berturut-turut sehingga 1965.

**BM :** Apakah pencapaian atau pengalaman yang Encik tidak dapat lupakan?

**Chow Seng :** Bagi saya, ketika dinobatkan juara kejohanan di Limassol, Cyprus baru-baru ini. Pada usia 76 saya berjaya mengangkat 124kg menewaskan peserta dari Belarus, Eduard Zhyhalka dan Jerman, Abram Kilimik bagi kategori 75-79 tahun. Saya tidak dapat menahan air mata kegembiraan apabila lagu Negaraku berkumandang. Saya bangga kerana berjaya meletakkan satu tanda (penanda aras) dalam karier saya. Saya bangga kerana berjaya menjulang nama Malaysia.

**BM :** Apakah rahsia Encik kekal sihat sehingga hari ini?



NG Chow Seng menunjukkan salah satu sijil penghargaan yang diperoleh beliau sepanjang penglibatan dalam arena angkat berat.

**Chow Seng :** Apa yang penting dan asas bagi saya ialah disiplin yang ketat dan usaha tanpa henti. Sungguhpun pada Mac 2002 lalu saya menjalani pembedahan pintasan jantung, namun, sehingga hari ini, saya tidak punya masalah kesihatan. Saya juga mengambil suplemen tambahan yang menelan belanja hampir RM1,000.00 sebulan. Selain itu, saya juga waktu tidur saya. Tidur seawal jam 9.30 malam dan bangun 5.30 pagi setiap hari. Mungkin kerana saya telah terlatih sejak menyertai tentera dulu.

**BM :** Sempena Tahun Baru Cina, apakah impian atau ucapan yang Encik ingin sampaikan?

**Chow Seng :** Saya tidak minta wang ringgit, cukup sekadar pencapaian saya dihargai dan diketahui umum. Saya mempunyai mini galeri di sini (rumah) dan segala pencapaian saya direkod. Mungkin, jika berkesempatan saya ingin berjumpa dan bergambar bersama Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.



NG Chow Seng ketika dianugerahkan pingat emas bersama naib johan dan pemenang pingat gangsa ‘2011 International Weightlifting Federation World Masters Weightlifting Championship’ di Limassol, Cyprus.



MINAT Ng Chow Seng dalam sukan angkat berat bermula ketika beliau berusia 14 tahun.



PARA Penguatkuasa MPPP merampas barang jualan warga asing dalam operasi membanteras peniaga warga asing tanpa permit di pasar-pasar sekitar George Town di sini baru-baru ini.

## Kembalikan status George Town sebagai bandaraya

**BALIK PULAU** – ‘George Town Kita’ yang menjadi tema Hari Bandaraya George Town ke-55 baru ini telah disambut dalam suasana yang meriah serentak dengan sambutan ambanang Tahun Baru 2012 bertempat di Padang Kota Lama baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Majlis Sambutan Hari Bandaraya George Town diraikan sempena ulangtahun taraf bandaraya yang telah dianugerahkan kepada Perbandaran George Town melalui ‘Royal Charter’ oleh Ratu Elizabeth II pada 1 Januari 1957 sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi.

“Malangnya, status George Town atau bandaraya Pulau Pinang telah dilucutkan di bawah kerajaan lama. Tidak ada

sebabnya mengapa George Town atau Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) tidak layak untuk bergelar bandaraya seperti 11 bandaraya lain di seluruh negara,” katanya di sini baru-baru ini.


Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa pada tahun 2010, MPPP telah membuat permohonan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menukar status MPPP kepada taraf bandaraya. Namun, tidak menerima sebarang maklum balas meskipun memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

“Sekiranya jumlah penduduk dinaikkan kepada 500,000 orang dan pendapatan setahun kepada RM100 juta, George Town atau MPPP masih layak untuk diiktiraf sebagai status

bandaraya.

“Diharapkan status bandaraya kepada MPPP boleh diperoleh tahun ini selaras dengan keunikan Pulau Pinang sehingga diiktiraf oleh UNESCO World Heritage City,” jelasnya.

Turut sama hadir meraikan hari bersejarah tersebut, Yang Dipertua MPPP, Ar. Patahiah Ismail dan beberapa Ahli Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



KETUA Menteri memberikan ucapannya berlatar belakang bangunan MPPP yang dihiasi kelipan lampu di Padang Kota Lama sempena Sambutan Hari Bandaraya George Town ke-55, baru-baru ini.



ONG Ah Teong

## Taska, tadika perlu daftar dengan MPPP

**GEORGE TOWN** – Ekoran peningkatan kes kemalangan melibatkan kanak-kanak di tadika dan taska, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah melaksanakan Undang-undang Kecil Trade Perniagaan dan Perindustrian MPPP 1991 yang mengkehendaki setiap pertubuhan tersebut di negeri ini mendaftarkan perniagaan mereka.

Melalui pengimplementasian undang-undang tersebut, setiap pemilik tadika dan taska perlu mendaftarkan perniagaan mereka melalui Jabatan Perlesenan MPPP yang telah berkuatkuasa awal tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong

berkata, pengusaha tadika dikehendaki mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Pelajaran Negeri terlebih dahulu sebelum mendaftarkan perniagaan dengan Jabatan Perlesenan. Manakala, bagi pengusaha taska, kebenaran perlu diperoleh daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

“Melalui lesen yang dikeluarkan ini, MPPP berhak untuk memantau dari segi kebersihan makanan, kesihatan dan faktor keselamatan kanak-kanak tersebut. Tindakan untuk menghentikan operasi juga boleh dikenakan sekiranya didapati pengusaha beroperasi secara tidak sah oleh pihak MPPP,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah Ah Teong, melalui siasatan

dan pemantauan yang dijalankan MPPP, terdapat 138 taska dan tadika (245) di negeri ini secara keseluruhan. Bagaimanapun, hanya sejumlah kecil sahaja yang mempunyai kelulusan daripada MPPP.

“Justeru, pemilik-pemilik terbabit (yang tidak memiliki kelulusan MPPP) dinasihatkan agar mendaftarkan perniagaan mereka secepat mungkin.

“Pada masa sama, ibu bapa turut dinasihatkan supaya lebih berhati-hati dan bijak memilih taska serta tadika yang berlesen agar keselamatan anak-anak mereka terjamin sepenuhnya dan dapat mengurangkan risiko kemalangan,” ujar beliau.

## MPPP peka, penjaja warga asing diberkas

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

**GEORGE TOWN** – Bertindak atas maklumat awam, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah menahan dua warga asing yang didapati tidak memiliki permit bermiaga dalam operasi membanteras peniaga warga asing tanpa permit di pasar-pasar sekitar George Town di sini baru-baru ini.

Operasi membabitkan 17 anggota penguatkuasa MPPP diketuai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Ong Ah Teong bersama lima kakitangan

dari Bahagian Perlesenan MPPP dan Pegawai Imigresen (5) telah menjalankan operasi di Pasar Jelutong, Jalan Perak dan Pulau Tikus.

Ah Teong berkata, terdapat beberapa aduan daripada penjaja tempatan bahawa dengan wujudnya penjaja asing tanpa permit berkenaan, pendapatan harian mereka di lokasi sama telah terjejas sama sekali.

“Hasil operasi tersebut, seorang pendatang asing wanita dan lelaki warga Myanmar, 30-an, telah diberkas dan dibawa pihak imigresen untuk tindakan lanjut. Dalam pada itu, barang jualan mereka juga telah dirampas,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah Ah Teong, selain itu, terdapat juga maklum balas daripada peniaga asing bahawa terdapat pihak yang menggunakan nama beliau untuk mengutip wang perlindungan sebanyak RM300 setiap minggu daripada golongan berkenaan.

“Demi kepentingan semua pihak, saya menasihati supaya mereka yang berkenaan tampil ke hadapan dan membuat laporan polis, MPPP ‘hotline’ ataupun Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk disiasat dan diambil tindakan,” jelasnya.

# 11 kenderaan MPSP bakal dilupuskan



ANTARA kenderaan MPSP yang rosak dan bakal dilupuskan.

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**SEBERANG PERAI** – Kiranya 11 kenderaan milik Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal dilupuskan akibat rosak dan tidak boleh digunakan lagi.

Semua kenderaan yang berusia antara 11 hingga 25 tahun itu tidak dapat dibaiki disebabkan MPSP tidak mampu untuk menanggung kos penyelenggaraan yang terlalu tinggi.

Justeru, inisiatif telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan menyediakan

peruntukan setiap tahun bagi membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) terabit membaik pulih kenderaan yang masih berpotensi untuk digunakan.

Menurut Ahli Majlis MPSP, Soon Lip Chee, sehingga kini, terdapat 32 panel mekanik yang menjalankan kerja-kerja servis dan kerja pemberian kenderaan MPSP. Panel mekanik telah dilantik melalui kelulusan Yang Dipertua (YDP) dan Setiausaha Perbandaran.

Namun, terdapat aduan daripada pegawai MPSP mengenai sesetengah panel mekanik yang lambat

menjalankan tugas sekaligus menyukarkan mereka untuk mendapatkan kenderaan yang dibaiki secepat mungkin.

“Sebagai sebuah kerajaan tempatan, kami cuba memberikan perkhidmatan yang terbaik khususnya kepada orang ramai. Kemungkinan pihak kami akan mengkaji semula mengenai pemilihan panel mekanik agar imej kami tidak terjejas di masa hadapan. Tahun lepas, kami sudah membuat ‘open tender’ sekali lagi bagi memilih panel mekanik yang betul-betul boleh melakukan kerja,” ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

## MPSP pergiat penguatkuasaan papan iklan



ANTARA contoh PAPAN iklan yang dibina di sepanjang lebuhraya di sini.

**SEBERANG PERAI** – Bagi mengelakkan tindakan tegas diambil, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyeru agar syarikat-syarikat yang ingin mendirikan papan iklan di kawasan Seberang Perai supaya memohon lesen terlebih dahulu dan mematuhi semua syarat ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) terabit.

Ini kerana, sekiranya aduan diterima, MPSP berhak untuk mengeluarkan notis 14 hari. Selepas itu, jika tiada sebarang perubahan, denda sebanyak tiga kali ganda akan dikenakan kepada syarikat yang bertanggungjawab mendirikan papan iklan terbatit.

Tindakan tersebut bakal dilaksanakan Jawatankuasa ‘Taskforce’ yang diwujudkan MPSP pada tahun 2012 bagi menggiatkan kerja-kerja penguatkuasaan.

Dalam pada itu, MPSP turut mensyaratkan agar setiap papan iklan yang dibina harus menaikkan slogan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP di samping harus mengandungi perkataan Bahasa Melayu. Tujuan slogan adalah bagi mempromosi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Papan iklan juga tidak boleh mengandungi unsur-unsur keganasan dan isu seksual.

## MPSP ambil tindakan tegas terhadap alat pemancar haram

**SEBERANG PERAI** – Pembinaan alat pemancar haram tanpa kelulusan permit daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang semakin berleluasa menimbulkan rasa khuatir dan takut kepada penduduk setempat di sekitar kawasan Seberang Perai.

Malah, desas-desus mengatakan akan berlakunya pilihanraya umum pada tahun ini menyebabkan lebih banyak syarikat mengambil kesempatan dengan mendirikan alat pemancar haram demi mengaut keuntungan tanpa memikirkan keselamatan penduduk di sekitarnya.

Mengikut statistik, sebanyak 100 saman telah dikeluarkan MPSP kepada syarikat yang gagal memohon permit sebelum mendirikan alat pemancar bermula tahun 2008 hingga Ogos 2011. Jumlah tersebut terus meningkat dari semasa ke semasa ekoran keengganan dan sikap tidak bertanggungjawab syarikat yang

syarikat yang mendirikan alat pemancar haram terutama di kawasan perumahan. Hal ini sangat membimbangkan kerana alat pemancar yang dibina tanpa lesen sukar dipantau oleh pihak berkuasa.

Selain itu, pembinaan alat pemancar yang tumbuh bagi cendawan juga boleh memudaratkan kesihatan jangka masa panjang penduduk di sekitarnya.

Mengikut statistik, sebanyak 100 saman telah dikeluarkan MPSP kepada syarikat yang gagal memohon permit sebelum mendirikan alat pemancar bermula tahun 2008 hingga Ogos 2011. Jumlah tersebut terus meningkat dari semasa ke semasa ekoran keengganan dan sikap tidak bertanggungjawab syarikat yang

hanya mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan orang lain.

Lantaran itu, MPSP kini sedang giat melakukan siasatan berkenaan pembinaan alat pemancar haram terutama di kawasan Seberang Perai bagi membasi kegiatan tidak bermoral berkenaan dari terus berleluasa. Jika didapati bersalah, MPSP tidak akan teragak-agak untuk menurunkan alat pemancar yang dibina secara haram dan saman maksimum akan dikenakan kepada syarikat terbatit.



**BAHAGIAN**  
penguatkuasaan  
MPSP sedang  
menurunkan  
alat pemancar  
yang dibina  
secara haram di  
sekitar kawasan  
Seberang Perai.

# Komitmen semua pihak jamin hasil padi tertinggi

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

**BERTAM** – Produktiviti padi negeri Pulau Pinang yang mencatatkan pengeluaran tertinggi di dalam negara adalah hasil kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, para pesawah dan Kerajaan Negeri yang sentiasa komited dalam memastikan usaha ke arah tersebut.

Kenyataan tersebut dinyatakan Pengurus Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebakan Banjir, Law Choo Kiang pada Majlis Dialog dan Hi-Tea Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Padang Benggali Bersama

Pimpinan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini. Kata Choo Kiang, walaupun sektor tersebut menyumbang 2% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), terdapat beberapa buah syarikat yang terlibat dalam sektor pertanian di Pulau Pinang tersenarai dalam Bursa Saham.

Dalam pada itu, beliau juga memuji JKKK Padang Benggali, Pejabat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bertam dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara kerana menganjurkan program seumpama itu yang bukan sahaja dapat mendekatkan masyarakat desa dengan kepimpinan Kerajaan Negeri, malah, turut membuka ruang

pucuk pimpinan untuk menyelami permasalahan para pengusaha sawah, nelayan, peladang serta penternak.

Dalam pada itu, menurut Pegawai Penyelaras KADUN Bertam, Asrol Sani Abdul Razak, matlamat asas penganjuran program tersebut adalah untuk memberi peluang kepada petani, peladang, penternak dan nelayan untuk mengemukakan masalah dan sekaligus mengetahui landasan yang betul dalam mengemukakan permasalahan dihadapi.

Antara isu yang dibangkitkan dalam dialog yang berlangsung selama 45 minit tersebut adalah pembangunan dan penempatan nelayan, kemudahan-kemudahan yang diperoleh oleh para nelayan,



MANSOR Othman (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan makanan sambil diperhatikan oleh Asrol Sani (tiga dari kanan) dan Pengurus JKKK Padang Benggali, Md. Hashim Ahmad (kanan sekali) pada Majlis Dialog dan Hi-Tea JKKK Padang Benggali Bersama Pimpinan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

sistem saliran dan peparitan di kawasan sawah padi dan ancaman sifit gondang emas yang boleh menggugat pengeluaran padi.

Turut diadakan pada majlis tersebut adalah sumbangan hamper sempena Tahun Baru Cina kepada masyarakat Cina di kawasan tersebut serta sumbangan

Pusat Urus Zakat (PUZ) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada keluarga yang berpendapatan rendah serta wakil golongan orang kelainan upaya (OKU) yang terlantar. Sumbangan hamper disampaikan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman.



MOHD. Salleh Man (dua dari kiri) meninjau keadaan Abdullah Ibrahim di Hospital Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

## Kos pembedahan warga emas dapat perhatian ADUN Permatang Pasir

Oleh : MOHD. HAFIZ TAJUDIN

**SEBERANG JAYA** – Bagi meringankan kos pembedahan tulang seorang warga emas, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir telah mengambil inisiatif khas untuk tampil membantu beliau di sini baru-baru ini.

Mangsa, Abdullah Ibrahim, 62, yang terlibat dalam kejadian kemalangan baru-baru ini memerlukan RM7,300 untuk pembedahan di

Hospital Seberang Jaya di sini.

Justeru, ADUN Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man dengan kerjasama Pusat Urus Zakat (PUZ) Pulau Pinang, bantuan kewangan sebanyak RM6,000 telah berjaya disalurkan manakala bakinya, RM1,300 ditampung oleh keluarga mangsa.

Hadir sama menyampaikan sumbangan tersebut adalah Penolong Pengurus Besar Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat PUZ, Mohamad Kairi Ghazali.



MOHD. Kamil Abu Bakar (kiri sekali) menyampaikan hamper kepada seorang warga emas pada Program Pemberian Sumbangan sempena Tahun Baru Cina 2012 KADUN Sungai Acheh di sini baru-baru ini.

## Penduduk Cina diraikan di Sungai Acheh

**MERAIKAN**...Sempena kehadiran Tahun Baru Cina 2012, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar telah mengadakan pemberian sumbangan hamper dan buah limau kepada penduduk Cina berbangsa Tionghua di kawasan tersebut.

Penerima sumbangan hamper adalah terdiri daripada mereka yang kurang berkemampuan, orang kelainan upaya (OKU) dan ibu tunggal. Malah, kerjasama antara pusat khidmat PPK dan pejabat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Udang ternyata membawa senyuman kepada penerima-penerima sumbangan terutamanya warga emas yang menjadi penghuni di rumah orang tua di sini.

Menurut Mohd. Kamil, JKKK Seri Ampangan merupakan kawasan terakhir yang dikunjungi dalam siri Program Pemberian Sumbangan sempena Tahun Baru Cina 2012 KADUN Sungai Acheh.



**ABDUL** Malik Abul Kassim (dua dari kanan) bertanyakan sesuatu kepada peniaga runcit di Pasar Awam Bagan Ajam sambil ditemani oleh Salehin Mohamed (kanan sekali).

# PPP pantau harga elak pengguna ditipu

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAGAN AJAM** – Sempena sambutan Tahun Baru Cina 2012, Pasukan Pemantau Pengguna (PPP) Negeri Pulau Pinang bersama Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim telah mengadakan lawatan ke Pasar Awam Bagan Ajam di sini baru-baru ini.

Lawatan PPP bukan sahaja diadakan bagi memantau harga barang asas seperti ayam, daging, sayur-sayuran dan ikan, malah, juga untuk memastikan peniaga-peniaga tidak

menaikkan harga barang sesuka hati.

Selain itu, lawatan tersebut juga bertujuan untuk memastikan para peniaga meletakkan tanda harga bagi setiap barang yang dijual sebagai panduan kepada pembeli.

“Kita tidak mahu nanti timbul rungutan daripada pembeli bahawa harga barang naik ketika musim perayaan,” ujar Abdul Malik yang turut mengadakan lawatan pemantauan pengguna di beberapa pasar awam di negeri ini.

Malah, ketika lawatan beliau ke Pasar Awam Bagan Ajam, beliau berpuas hati kerana para peniaga patuh akan arahan yang dikeluarkan.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Air Tawar, Salehin Mohamed, lawatan PPP ke kawasan tersebut bukan sahaja mampu memantau kenaikan harga barang ketika tiba musim perayaan, malah, turut memberi peluang kepada para peniaga untuk menyuarakan masalah yang dihadapi mereka.

Lawatan oleh 16 orang ahli PPP turut disertai oleh Penolong Pengarah Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohd. Puad Hamid; Penolong Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Negeri Pulau Pinang, R. Devedran; Penolong Pengarah Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Shahril Zamani Md. Zain; Ketua Pemantau Pengguna Penaga, Abdullah Talib; Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bagan Ajam, Ismail Jemani dan beberapa ahli JKKK Telok Air Tawar.



**MUHASDEY** Muhamad (berdiri, dua dari kiri) bersama-sama Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman (berdiri, kanan sekali) menyampaikan sumbangan ‘ang pow’ kepada penghuni rumah orang-orang tua di sini sempena meraikan Tahun Baru Cina.

## Masyarakat Tionghua Pinang Tunggal dirai

**PINANG TUNGGAL** – Sempena sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini, Pejabat Penyelaras Kawasan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal telah mengadakan beberapa siri lawatan dari rumah ke rumah bagi memberikan sumbangan ‘ang pow’ dan juga hamper.

Menurut Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad, beliau bersama Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah Pusat Urus Zakat (PUZ) telah melawati kesemua kawasan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di Pinang Tunggal bagi meraikan bersama Tahun Baru Cina dengan masyarakat setempat.

“Alhamdulillah, selain melawati rumah-rumah masyarakat Tionghua yang kurang berasib baik, kami juga berkesempatan melawat penghuni rumah orang-orang tua, Happy Retirement Home di Permatang Durian. Saya percaya lawatan ini memberi makna kepada mereka (penghuni rumah orang-orang tua) dalam meraikan kedatangan Tahun Baru,” ujar Muhasdey.

Dalam pada itu, sejumlah 175 buah hamper telah disediakan bagi semua kawasan JKKK iaitu JKKK Kampung Selamat Selatan, JKKK Kampung Selamat Utara, JKKK Lahar Tiang, JKKK Paya

Keladi, JKKK Pinang Tunggal dan JKKK Kubang Menerong.

Kesemua hamper tersebut bukan sahaja disumbangkan kepada masyarakat Tionghua yang kurang berkemampuan, malah, turut diberikan kepada warga emas dan ibu tunggal di sini.

“Selain hamper, sumbangan ‘ang pow’ kepada 50 individu yang kurang berasib baik turut disumbangkan,” tambah Muhasdey lagi yang turut menzahirkan rasa terima kasih kepada masyarakat setempat yang memberi sokongan dan kerjasama yang baik kepada beliau yang baru dilantik sebagai PPK Pinang Tunggal baru-baru ini.



**MOHD.** Fahmi bergambar kenang-kenangan dengan para penerima sumbangan hamper sempena sambutan Tahun Baru Cina di Sungai Dua di sini baru-baru ini.

## Sumbangan kepada golongan kurang mampu

**SEHATI SEJIWA...** Pejabat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Dua baru-baru ini telah menganjurkan majlis sumbangan hamper kepada masyarakat berbangsa Toinghua di Dewan JKKK Sungai Dua di sini.

Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Sungai Dua, Mohd. Fahmi Abd. Wahab berkata beliau turut menjadikan pemberian sumbangan ini sebagai tradisi setiap tahun dalam meraikan masyarakat Cina yang kurang berkemampuan.

Turut disumbangkan adalah kepada orang kelainan upaya (OKU) dan ibu tunggal di seluruh kawasan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Dua.

Menurut Mohd. Fahmi, sumbangan tersebut tidaklah seberapa, namun, ia mampu mengukir senyuman di wajah penerima dalam menyambut kehadiran Tahun Naga Air tahun ini.



# PULAU PINANG BERUBAH

SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL-AMINIAH,  
PERMATANG PAUH

Dahulu..



Laa Ni!



**DAHULU**

(Kerajaan Barisan Nasional)

Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam  
RM12.5juta

Peruntukan Tahunan untuk SAR  
TIADA

Peruntukan Guru KAFA  
TIADA

**SEKARANG**

(Kerajaan Pakatan Rakyat)

Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam  
2009: RM20.50juta  
2010: RM24.30juta  
2011: RM33.33juta

Peruntukan Tahunan untuk SAR  
2009: RM1.50juta  
2010: RM1.75juta  
2011: RM1.75juta

Peruntukan Guru KAFA  
RM100,000 setahun